

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-606 BIL.12/2024
20 DISEMBER 2024**

1) UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA AHLI MAJLIS TAHUN 2024

Dimaklumkan bahawa tempoh perkhidmatan Ahli Majlis MBSP yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 Oktober 2023 bagi 22 Ahli Majlis dan dua (2) Ahli Majlis pada 18 Oktober 2023 adalah sehingga 31 Disember 2024.

Oleh yang demikian, MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan YBhg Dato' / tuan / puan sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP. Kerjasama dan komitmen yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan YBhg. Dato' / tuan / puan sebagai Ahli Majlis MBSP amatlah dihargai.

**2) SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) CITY AWARD
BAGI TEMA INCLUSIVE CITY**

MBSP telah menyertai 3rd SDG City Awards anjuran CityNet dan *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)* dengan menghantar lima (5) penyertaan seperti berikut:-

- i. *Integrated Solid Waste Management Center Ampang Jajar*

- ii. Composting Activities In Seberang Perai*
- iii. **Traffic Management Contribution in Commercials by TRAFIESTA Program***
- iv. Blossoms Embrace A Symphony Of Laman Flora*
- v. Fostering Sustainable Development Goals (SDG) through the Application of Integrated Procurement System (Sistem Perolehan Bersepadu) in the Contemporary World*

Walau bagaimanapun, daripada lima penyertaan tersebut hanya satu penyertaan yang telah berjaya disenarai pendek iaitu bagi Case Study: **Traffic Management Contribution in Commercials by TRAFIESTA Program.** MBSP telah dianugerahkan SDG City Award bagi tema **Inclusive City** yang diterima sempena *The 44th Executive Committee Meeting, 3rd SDG City Awards Ceremony and International Seminar* di Iloilo City, Filipina pada 19 November 2024 (Selasa).

3) SPREADING EXPERIENCES AND KNOWLEDGE ON SCHOOL MEALS PROGRAMMES IN ASEAN CITIES

MBSP telah menghantar satu kertas cadangan kepada *Milan Urban Food Policy Pact (MUFPP)* yang bertajuk '*Sustainable School Meals Programme*'. Susulan daripada kertas cadangan tersebut MBSP telah dijemput untuk menyertai persidangan *The Milan Urban Food Policy Pact (MUFPP)* bagi rantau Asia Pasifik yang bertajuk '*Nourishing Growing Cities: Enhancing School Meals & Supporting Local Communities*' yang bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik bagi memperkenalkan contoh dan cadangan yang inovatif daripada bandar-bandar yang mengambil bahagian.

Sempena Majlis Penganugerahan *The 2nd Milan Urban Food Policy Pact (MUFPP) Asia Pacific Region Forum* di Bangkok, Thailand pada 3 Disember 2024 (Selasa), MBSP telah dianugerahkan sebagai lapan (8) bandar terbaik daripada keseluruhan 43 bandar yang menyertai forum ini yang bertema '*Spreading Experiences and Knowledge on School Meals Programmes in Asean Cities*'

4) ANUGERAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PRIHATIN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menganjurkan **Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024** dengan tema "**Memperkasa Kepimpinan OKU Demi Inklusiviti Mampan**" yang diadakan pada 3 Disember 2024 bertempat di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Dalam majlis tersebut, MBSP telah dinobatkan sebagai **Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin Bagi Kategori Majlis Bandaraya**. Anugerah berupa sebuah trofi dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai.

5) MAKLUMAN PROMOSI SUNTIKAN ANTI-TYPHOID MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bersempena dengan sambutan Hari Pelindungan Kesihatan Sejagat atau *Universal Health Coverage (UHC Day)* MBSP telah mengambil inisiatif untuk membendung dan mengawal wabak Tifoid (demam kepialu) khususnya dalam kalangan pengendali makanan dengan mengadakan promosi pengurangan harga bagi suntikan vaksin Anti-Tifoid.

Promosi ini telah bermula sejak 3 Disember 2024. Peniaga dan pengendali makanan di seluruh Seberang Perai boleh mendapatkan suntikan di Klinik MBSP di Menara Bandaraya pada hari dan waktu bekerja dengan kadar harga seperti berikut:-

- a) RM64 bagi warganegara
- b) RM89 bagi bukan warganegara.

Diskaun tambahan sebanyak 5% akan turut diberikan kepada pengendali di premis makanan yang mendapat gred A - Sangat Bersih bagi Sijil Penarafan Kebersihan Premis Makanan MBSP.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Klinik MBSP Bandar Perda di talian **04-5497687**.

6) KAJIAN INVENTORI PRODUK DAN PELAN TINDAKAN PELANCONGAN DI SEBERANG PERAI

Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam proses penyediaan Kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan bagi tujuan mengenalpasti produk pelancongan baharu dan penambahbaikan berterusan untuk produk yang berpotensi tinggi. Untuk merealisasikan aspirasi dalam menjadikan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan yang lestari, Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam proses membuat kutipan data di lapangan untuk menyiapkan kajian inventori tersebut.

Sehubungan itu, seluruh penduduk Seberang Perai diharap dapat memberikan kerjasama jika menerima kunjungan pasukan penyelidik bagi kajian ini. Kerjasama dan perhatian semua penduduk Seberang Perai dalam menjayakan kajian inventori ini adalah amat diharapkan.

7) KADAR BAHARU CAJ TEMPAT LETAK KERETA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengumumkan bahawa terdapat kadar baharu caj tempat letak kereta mulai 1 Januari 2025. Kadar tersebut adalah seperti berikut :-

- a) Setengah jam - RM0.40
- b) Satu (1) jam - RM0.80
- c) Harian - RM6.00
- d) Bulanan - RM150.00

Bagi petak sewaan petak khas, kadar adalah masih sama seperti sedia ada.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Direktorat Penguatkuasaan, MBSP di talian **04-5402581/582**.

8) NIBONG TEBAL FESTIVAL 2025

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Pusat Khidmat KADUN Jawi disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Nibong Tebal Festival 2025 pada 18 & 19 Januari 2025 (Sabtu & Ahad) di Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan bermula dari jam 5.00 petang hingga 11.00 malam.

Nibong Tebal Festival 2025 merupakan penganjuran kali ke-2 selepas kejayaannya pada kali pertama penganjuran tahun 2024. *Street Art Festival* ini adalah untuk meraikan kreativiti seni, budaya dan warisan dalam usaha MBSP ke arah merancakkan ekonomi dan tumpuan awam di Seberang Perai Selatan.

Festival yang berlangsung selama dua (2) hari ini akan menyatupadukan penggiat-penggiat seni di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dalam memperkuuhkan hubungan di antara pelbagai pihak dalam usaha mempromosikan Nibong Tebal kepada masyarakat luar.

MBSP mengharapkan semua *stakeholders* dan seluruh komuniti Seberang Perai untuk hadir bersama-sama bagi memeriahkan Nibong Tebal Festival 2025.

9) SAMBUTAN HARI NATAL

Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2024 (Rabu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum bagi Negeri Pulau Pinang.

10) SAMBUTAN TAHUN BARU 2025

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2025 kepada seluruh penduduk Seberang Perai khususnya dan seluruh penduduk di Pulau Pinang dan sekitarnya. Tahun Baru 2025 disambut pada 1 Januari 2025 (Rabu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum. Semoga Tahun Baru disambut dengan semangat baru dan komitmen baru yang lebih baik. Justeru itu, di musim perayaan dan cuti kelepasan am ini diingatkan kepada seluruh penduduk Seberang Perai supaya berhati-hati di jalanraya, jaga kesihatan dan amalkan pemakanan yang sihat.

Sekian, terima kasih.